

24/11/1999

BN Pulau Pinang lancar PSPP 2

KEPALA BATAS, Selasa - Barisan Nasional (BN) Pulau Pinang hari ini melancarkan `Agenda BN Untuk Pulau Pinang Ke Alaf Baru' yang menggariskan pelbagai pelan yang dirancang negeri itu bagi menghadapi alaf baru.

Pelancaran itu disempurnakan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, selepas majlis perasmian Kompleks Pejabat Daerah Seberang Prai Utara (SPU), dekat sini.

Turut hadir pada majlis pelancaran itu ialah Ketua Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon dan Timbalan Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Shariff Omar.

Agenda itu antara lain menggariskan Pelan Pembangunan Strategik Pulau Pinang Dua (PSPP 2) yang meliputi Pelan Tindakan Sektor Pembuatan, Pelancongan, Perdagangan dan Perkhidmatan, Hubungan Antarabangsa, Petanian dan Perikanan, Pembangunan Luar Bandar serta Pemuliharaan Alam Sekitar.

PSPP 2 juga merangkumi projek prasarana utama, projek dan program pendidikan, kualiti hidup, program untuk wanita, belia, masyarakat penyayang dan kebudayaan yang bertenaga.

Abdullah menyifatkan pelancaran PSPP 2 sebagai wawasan jangka panjang kerajaan negeri yang dipimpin oleh tokoh muda, Koh, ke arah meningkatkan pembangunan sedia ada pada alaf baru.

Menurutnya, pelan itu memudahkan kerajaan negeri merancang dan melaksanakan pelbagai pembangunan, dalam usaha meningkatkan taraf dan kualiti hidup rakyat.

Koh pula berkata, PSPP 2 adalah lanjutan kepada Manifesto Barisan Nasional (BN) yang dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kelmarin.

(END)